

14 MAY 1996

AUSTRALIA MINAT BANTU KEMPEN KESEDARAN AIDS MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 14 Mei (Bernama) -- Australia bersedia membekalkan bahan-bahan mengenai pencegahan AIDS kepada pertubuhan mencegah AIDS di Malaysia, kata bakal Pesuruhjaya Tingginya yang baru, William Farmer hari ini.

Beliau berkata aspek kebudayaan dan sensitiviti rakyat tempatan akan diambil kira sebelum Australia memperluaskan bantuan seumpama itu bagi mengelakkan sebarang salah faham.

Farmer juga berkata isterinya, Elaine, telah menemui Pengerusi Yayasan AIDS Malaysia Marina Mahathir untuk membincangkan kemungkinan mengadakan program usahasama mengenai AIDS.

Menurut beliau Australia memperuntukkan RM120,000 setiap tahun untuk program kesihatan di Malaysia yang boleh juga digunakan untuk memerangi AIDS.

"Walaupun sumbangan itu kecil, kami berharap keikhlasan kami dapat membantu meningkatkan kesedaran mengenai penyakit yang tidak boleh diubati itu," katanya pada kempen menderma darah anjuran pejabat Suruhanjaya Tinggi Australia.

Lebih 30 kakitangan pejabat Suruhanjaya Tinggi itu dan rakyat Australia yang lain termasuk tentera yang bertugas di Kementerian Pertahanan Malaysia menderma darah.

Farmer, yang akan menggantikan John Dauth, dijadual menyerahkan surat tauliah perlantikannya akhir bulan ini. -- BERNAMA

HJ CR NMO